



SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BIL: 6/2016

Kepada;
Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Sila lihat pembahagian)

**PENGGUNAAN *PURCHASE ORDER MODULE* DAN *CONTRACT MODULE* BAGI PERBELANJAAN
PERBEKALAN, PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
DAN KERJA-KERJA**

Dengan hormat sukacita memaklumkan bahawa mulai Tahun Kewangan 2016/2017, Jabatan Perbendaharaan menguatkuasakan penggunaan ***Purchase Order Module*** dan ***Contract Module*** di dalam *Treasury Accounting Financial Information System (TAFIS)*.

Untuk makluman Pengiran Dato/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan, ***Purchase Order Module*** membolehkan ***Purchase Order*** dikeluarkan melalui TAFIS untuk diserahkan kepada pembekal bagi setiap perbekalan dan kerja-kerja yang ditawarkan. Manakala ***Contract Module*** adalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan atau pelaksanaan kerja-kerja yang menggunakan kontrak perjanjian. Dengan menggunakan ***Contract Module*** berkenaan, ***Purchase Order*** akan diadakan di dalam TAFIS secara otomatis bagi membolehkan nilai perbekalan dan kerja-kerja berkenaan dikomit atau *encumbered* dalam TAFIS.

Adapun keperluan untuk mengeluarkan dan mengadakan ***Purchase Order*** melalui TAFIS adalah untuk memastikan peruntukan didalam satu-satu tajuk peruntukan berkenaan dikomit terlebih dahulu sebelum pembelian-pembelian perbekalan dan pelaksanaan kerja-kerja dilaksanakan. Ketiadaan ***Purchase Order*** akan menyebabkan pembayaran kepada pembekal tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

Walaupun bagaimanapun, pada peringkat ini, penggunaan ***Purchase Order*** melalui sistem TAFIS adalah tidak termasuk tuntutan pembayaran perseorangan, pembayaran balik melalui Wang Panjar (*Petty Cash*) dan pembayaran Yuran Konsultan. Dalam hal ini, Kementerian/Jabatan dikehendaki untuk menyediakan penyata perbelanjaan dan komitmen secara manual bagi tujuan pemantauan baki peruntukan telah mengambilkira komitmen dan perbelanjaan secara menyeluruh.

Bersama ini disertakan carta aliran proses pembayaran kerajaan (Lampiran 1) untuk makluman bersama.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan Pengiran Dato / Pehin / Dato / Datin/ Tuan/ Puan.


[DYG NORLIAH HAJI KULA]
Jurukira Agung

Rujukan : JPKK/A/6
Tarikh : 8 Zulhijjah 1437 / 10 September 2016